

**AKTIVITI PEMAKMURAN MASJID DI SAMARAHAN ; KAJIAN  
TERHADAP KEMAMPUAN PENDAKWAH**



**INSTITUT PENGURUSAN PENYELIDIKAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
40450 SHAH ALAM, SELANGOR  
MALAYSIA**

**DISEDIAKAN OLEH :**

**AZHAR BIN ABDUL RAHMAN  
MOHD SYABIRAN BIN ABDUL LATIF  
WAN ARIFFIN BIN WAN YON**

**SEPTEMBER 2009**

## ISI KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
MUKA SURAT TAJUK .....	i
SURAT TAWARAN PENYELIDIKAN .....	ii
SURAT PENYERAHAN LAPORAN .....	iv
DAFTAR AHLI PENYELIDIK .....	v
PENGHARGAAN .....	vi
ISI KANDUNGAN .....	vii
ABSTRAK .....	x
KANDUNGAN LAPORAN .....	
<b>BAB I - PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1. Pengenalan	1
1.2. Pernyataan Masalah	2
1.3. Pengertian Tajuk	5
1.4. Objektif Penyelidikan	6
1.5. Kepentingan Kajian	6
1.6. Skop dan Limitasi Kajian	7
1.7. Hipotesis	8

## ABSTRAK

Kajian ini dilakukan bertujuan melihat aktiviti-aktiviti pemakmuran masjid dan kemampuan pendakwah melaksanakannya. Juga mengkaji pandangan masyarakat terhadap kemampuan pendakwah dalam aktiviti pemakmuran masjid. Seterusnya hasil kajian membolehkan input-input berguna diberikan.

Kajian ini dibahagikan kepada lima bab. Bab pertama menjelaskan asas dan sebab yang membawa kepada penyelidikan ini. Ianya meliputi latar belakang masalah, pengertian tajuk, objektif, skop dan hipotesis kajian.

Bab kedua ialah bab yang menerangkan landasan teori iaitu maklumat-maklumat penting yang membolehkan pembaca memahami perkara-perkara asas kajian. Bab ini menerangkan mengenai masjid dan perkara yang berkaitan dengan dakwah. Manakala bab ketiga ialah maklumat mengenai metodologi kajian atau proses bagaimana kajian ini dilakukan.

Bab keempat pula ialah laporan, analisa dan rumusan berkaitan kajian. Bab yang terakhir ialah bahagian penutup yang dimuatkan dengan kesimpulan secara keseluruhan disamping saranan atau cadangan untuk penambahbaikan.

Akhirnya, para pengkaji berharap kajian ini dapat menyumbangkan sesuatu yang positif dalam pemikiran masyarakat dan bermanfaat kepada para pengkaji dan pembaca. Mudah-mudahan usaha ini diberkati.

# **AKTIVITI PEMAKMURAN MASJID DI SAMARAHAN: KAJIAN TERHADAP KEMAMPUAN PENDAKWAH**

## **BAB 1 : PENGENALAN**

### **1.1. Pengenalan**

Fungsi masjid selain daripada tempat ibadah dilihat sebagai sebuah institusi yang membentuk jatidiri masyarakat Islam melalui aktiviti dan program yang dijalankan. Masjid adalah pusat bagi kehidupan umat Islam dan masyarakat sekelilingnya dalam segala perkara yang menyangkut apa jua urusan umat Islam. Sebagai tempat beribadah, sembahyang, beriktikaf, mencari ilmu, mendalami ilmu, bermesyuarat, berdiskusi, bermuzakarah dan tempat menguruskan segala macam urusan umat Islam, termasuk urusan perkahwinan, sosial, kaunseling dan sebagainya. Di zaman Rasulullah SAW masjid berfungsi sebagai pusat penyebaran akidah, ilmu dan juga sebagai pusat kegiatan masyarakat ketika itu. Jesteru masjid di zaman Rasulullah SAW telah banyak melahirkan insan-insan agung yang menjadi pendakwah hebat yang dikagumi dunia.

Tradisi pengimaran masjid berterusan hingga ke hari ini dengan adanya program-program berbentuk dakwah seperti ceramah, forum, kursus, bengkel dan sebagainya. Program-program seperti ini selalunya dikendalikan oleh pegawai dan pendakwah yang dilantik dan ditugaskan oleh Jabatan Agama Islam Negeri yang

# **AKTIVITI PEMAKMURAN MASJID DI SAMARAHAN: KAJIAN TERHADAP KEMAMPUAN PENDAKWAH**

## **BAB 2 : LANDASAN TEORI**

### **2.1. Pengenalan**

Dalam mengangkat kredibiliti dan martabat Islam dan umatnya, masjid dilihat memainkan peranan yang besar. Oleh itu, pihak yang diberi amanah menguruskan masjid perlulah peka dan bersedia menjadikan fungsi masjid mencapai tahap yang membanggakan. Masjid bukan sahaja dilihat sebagai tempat ibadah bahkan sinonim dengan kecemerlangan Islam dan pengikutnya.

Dalam menjayakan aktiviti pemakmuran masjid, ahli jawatankuasa yang dilantik masyarakat wajib memainkan peranan yang efisien. Mereka bukan sahaja menguruskan masjid bahkan menjadi pendakwah menyambung usaha para ulama dan Nabi SAW. Sebagai pendakwah yang paling dekat dengan ahli kariah, keberkesanan gerak kerja mereka boleh membolehkan agama Islam berkembang subur disamping masyarakat setempat yang bersatu padu serta saling tolong menolong pada perkara kebajikan dan taqwa.